

14/05/2003

Proses pengajaran perlu ikut kehendak semasa

WARGA pendidik hari ini perlu menyahut cabaran kemajuan pesat dalam bidang pendidikan dengan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang relevan perkembangan semasa, sekali gus mampu mengisi keperluan negara, kata Pengarah Pendidikan Pulau Pinang, Dawa @ Dewa Abdullah.

Katanya, cabaran itu bermula dengan menyediakan pendidikan asas sejak peringkat sekolah rendah dan seterusnya ke sekolah menengah, bagi melahirkan warga negara berguna, pekerja dan tenaga mahir berwibawa.

"Mereka perlu menyediakan diri dengan mengetahui dan mengikuti perkembangan semasa, di samping mampu menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan berkesan.

"Tugas guru bukan sekadar mengajar di bilik darjah, tetapi juga menjadi 'role model' yang menerapkan nilai positif melalui contoh dan teladan yang baik kepada pelajar," katanya dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM), semalam.

Mengenai sambutan Hari Guru Jumaat ini, beliau berkata, ia mengingatkan masyarakat mengenai kepentingan dan sumbangan profesion keguruan dalam merealisasikan matlamat negara.

Justeru, katanya, adalah penting bagi masyarakat, khususnya pelajar menghayati peranan serta sumbangan guru yang sanggup berkorban demi memperkembangkan seluruh potensi generasi muda.

"Masyarakat juga perlu diterapkan budaya menghormati guru sebagai golongan yang bertanggungjawab mewariskan ilmu pengetahuan kepada generasi muda.

"Tradisi budaya itu penting dan perlu dijadikan amalan di kalangan generasi muda, terutama dalam era globalisasi yang terdedah kepada pelbagai pengaruh luar," katanya.

Beliau berkata, martabat guru perlu dipelihara serta dihormati dan mereka juga hendaklah diberi ruang untuk meluaskan sumbangan seperti memberi pendapat dalam bidang lain yang boleh membantu pembangunan negara.

Selain itu, katanya, masalah disiplin pelajar juga adalah cabaran yang terpaksa dihadapi guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan.

"Walau apapun, guru perlu memahami sepenuhnya bidang tugas mereka bagi memenuhi hasrat ibu bapa untuk bersama-sama mendidik dan memimpin pelajar dengan menerapkan nilai yang baik," katanya.

Berhubung sambutan Hari Guru tahun ini yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata, ia adalah satu penghormatan tinggi terhadap profesion keguruan tanah air.